

07 SEP 2001

Najib-Pesawat

BELUM ADA KEPUTUSAN UNTUK BELI PESAWAT DARI RUSIA

PEKAN, 7 Sept (Bernama) -- Kerajaan belum membuat keputusan muktamad untuk membeli jet pejuang jenis Sukhoi SU-30MK buatan Rusia memandangkan pembelian pesawat moden dan berkeupayaan tinggi seperti itu memerlukan masa untuk dikaji selidik daripada segala aspek.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengesahkan bahawa pihak Rusia ada membuat tawaran kepada kerajaan Malaysia untuk menjual sejumlah kapalterbang daripada jenis itu yang turut ditempah oleh kerajaan India sebagai pesawat pejuang pelbagai guna.

"Pembelian pesawat seperti ini perlu dikaji bukan sahaja daripada segi tawaran komersilnya tetapi juga kemampuan dan keupayaan pesawat itu dalam semua aspek terutama sekali dalam keupayaan untuk menggempur," katanya kepada pemberita di sini.

Akhbar Business Times hari ini melaporkan bahawa cadangan Malaysia untuk membeli sejumlah pesawat jenis Sukhoi SU-30MK dari Rusia yang berharga USD35 juta atau RM133 juta setiap satu yang tertangguh sejak empat tahun lepas berikutan masalah ekonomi negara akan digerakkan semula.

Najib berkata Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada bulan lepas telah menghantar satu pasukan ke Rusia untuk menjalankan beberapa ujian ke atas pesawat berkenaan dan sehingga kini ujian itu masih belum selesai.

Selain menguji pesawat terbabit, TUDM juga perlu mengenal pasti aspek berkaitan pemindahan teknologi yang diperlukan untuk kepentingan angkatan tentera Malaysia, katanya.

Bagaimanapun, Najib berkata beliau tidak menjangkakan sebarang keputusan berkaitan pembelian pesawat berkenaan dibuat menjelang Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) tidak lama lagi.

"Mungkin selepas LIMA baru kita boleh buat keputusan muktamad dalam perkara ini," kata beliau lagi.

Najib yang akan mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Rusia minggu depan berkata mereka juga akan turut mendengar butiran lanjut mengenai tawaran daripada pihak Rusia apabila berada di negara berkenaan kelak.

-- BERNAMA

ROS PR